



## LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

---

### KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini. Butiran pelawaan sebut harga adalah seperti berikut :-
  - i. **No. Sebut Harga** : PERDA/BPE/S/4/2026
  - ii. **Tajuk Sebut Harga** : PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJILARI DAN MENGHANTAR SATU (1) UNIT BOT PELANCONG SERTA KELENGKAPAN BERKAITAN UNTUK KOPERASI NELAYAN PENGKALAN MACHANG BAGI PROJEK AGROTOURISM TASEK GELUGOR SELIAAN LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
  - iii. **Kelayakan** : Syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang berikut :  
110601 – Bot; *atau*  
220603 – Alat Ganti Dan Kelengkapan Bot / Kapal / Kapal Selam
  - iv. **Tarikh Edaran Dokumen Sebut Harga** : 18 Mei 2026 (Isnin)
  - v. **Tempat Edaran Dokumen Sebut Harga** : Bahagian Pembangunan Ekonomi, Tingkat 2, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), No. 1, Lorong Kampung Gajah 2, Jalan Kampung Gajah, 12200 Butterworth, Pulau Pinang
  - vi. **Masa Edaran Dokumen Sebut Harga** : 9.00 pagi hingga 12.30 tengah hari ; dan 2.30 petang hingga 4.30 petang
  - vii. **Tarikh Tutup Sebut Harga** : 3 Jun 2026 (Rabu) sebelum jam 12.00 tengah hari
  
2. Dokumen sebut harga adalah **Percuma**. Sila bawa bersama salinan **Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan (MOF)** untuk semakan dan rekod sewaktu mengambil dokumen sebut harga.

3. Dokumen sebut harga hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan dengan sesaliran **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan (MOF)** dan **Sijil Pematuhan Cukai (TCC) berstatus PATUH** yang masih sah untuk digunakan.
4. Dokumen sebut harga yang lengkap diisi dan ditandatangani serta ditulis Nombor Sebut Harga dan Tajuk Sebut Harga di sudut atas sampul surat hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **Bahagian Kewangan, Tingkat 5, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), No. 1, Lorong Kampung Gajah 2, Jalan Kampung Gajah, 12200 Butterworth, Pulau Pinang sebelum atau pada tarikh tutup yang dinyatakan di atas sebelum jam 12.00 tengah hari**. Tawaran yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan. Waktu urusan pejabat PERDA adalah seperti berikut:

HARI	WAKTU	TEMPAT
Isnin hingga Khamis	8.00 pagi hingga 1.00 petang 2.00 petang hingga 5.00 petang	Bahagian Kewangan, Tingkat 5, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), No.1, Lorong Kampung Gajah 2, Jalan Kampung Gajah, 12200 Butterworth
Jumaat	8.00 pagi hingga 12.15 tengahari 2.45 petang hingga 5.00 petang	

5. PERDA tidak akan terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini.
6. Sebarang pertanyaan berkaitan pelawaan sebut harga, syarikat boleh menghubungi pegawai berikut untuk penjelasan lanjut :

- i. Encik Mohammad Affendi bin Mohd Nor 04-3141 246*
- ii. Encik Sharizan bin Basarudin 04-3141 254*
- iii. Encik Ahmad Firdaus bin Darus 04-3141 278*